

Pengetahuan, Kemahiran dan Motivasi Guru Bahasa Melayu Bukan Opsyen di Sekolah Kebangsaan Daerah Tatau dan Sebauh

(*The Knowledge, Skills and Motivation Non Optional Malay Language Teacher at Tatau and Sebauh District National School*)

¹ANGELINA DERONG, ²EMILLEN SELIMAN, ³FATIN NADIA AHMAD KAMIL & ⁴LYDIA ABDUL TALIB

¹*Sekolah Kebangsaan Sungai Genaan, Sebauh, Bintulu, Sarawak, Malaysia.*

²*Sekolah Kebangsaan Long Sukang, Lawas, Sarawak, Malaysia.*

³*Sekolah Kebangsaan Segamat Baru, Segamat, Johor, Malaysia.*

⁴*Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa, Segamat, Johor, Malaysia.*

p130162@siswa.ukm.edu.my, p130163@siswa.ukm.edu.my, p130164@siswa.ukm.edu.my,
& p130678@siswa.ukm.edu.my

Dihantar: 13 Mei 2024 / Diterima: 20 Ogos 2024

Koresponden e-mel: p130162@siswa.ukm.edu.my

ABSTRAK: Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau tahap kompetensi guru bukan opsyen yang mengajar Bahasa Melayu dari segi aspek pengetahuan, kemahiran dan motivasi guru. Seramai 60 orang responden yang terlibat dalam kajian ini yang melibatkan guru Bahasa Melayu bukan opsyen yang mengajar di 26 sekolah rendah di sekitar daerah Tatau dan Sebauh, Sarawak. Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data kajian dianalisis menggunakan *Statistical Package For Sosial Science (SPSS) Versi 26.0*. Analisis deskriptif dan inferensi yang menerangkan data demografi dan pemboleh ubah pemahaman, motivasi dan sikap berdasarkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai dan hipotesis kajian digunakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kompetensi guru yang diukur melalui aspek pengetahuan, kemahiran dan motivasi berada pada tahap yang tinggi. Analisis juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap motivasi berdasarkan jantina. Walaupun purata min berada pada tahap yang tinggi, namun terdapat juga segelintir guru bukan opsyen ini masih mempunyai tahap pengetahuan, kemahiran dan motivasi yang masih rendah. Hal ini sudah pasti mampu menjejaskan prestasi murid di sekolah. Oleh itu, pihakKPM JPN dan PPD hendaklah memandang serius isu ini dengan menempatkan guru mengikut keperluan opsyen di sesebuah sekolah.

Kata Kunci: Tahap Pengetahuan, Tahap Kemahiran, Tahap Sikap, Guru Bukan Opsyen, Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

ABSTRACT: This study was conducted with the aim of reviewing the level of competence of non-option teachers who teach Malay Language in terms of knowledge, skills and teacher motivation. A total of 60 respondents were involved in this study involving non-optional Malay teachers who teach in 26 primary schools around Tatau and Sebauh districts, Sarawak. This study uses a survey method using a questionnaire as a research instrument. The data of this study was analyzed using *Statistical Package For Social Science (SPSS) Version 26.0*. Descriptive and inferential analysis that explains demographic data and variables of understanding, motivation and attitude based on frequency, percentage, mean and standard deviation and research hypothesis is used. The findings of the study show that the level of teacher competence measured through aspects of knowledge, skills and motivation is at a high level. The analysis also found that there was no significant difference between the level of knowledge, skill level and motivation level based on gender. Although the average mean is at a high level, there are also a few of these non-option teachers who still have a low level of knowledge, skills and motivation. This is definitely able to affect the performance of students in school. Therefore, the KPM JPN and PPD should take this issue seriously by placing teachers according to the option requirements in a school.

Keywords: *Level of Knowledge, Level of Skills, Level of Motivation, Non-Opption Teacher, Teaching and Learning Malay Language*

PENGENALAN

Isu kekurangan guru yang berlaku sejak sekian lama di negara kita telah memberikan tempias kepada isu kurangnya guru opsyen Bahasa Melayu. Isu ini sentiasa berlarutan di seluruh negara sehingga menyebabkan subjek Bahasa Melayu diajar oleh guru bukan opsyen. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hendaklah memandang serius terhadap kompetensi guru yang mengajar subjek bukan opsyen ini. Model kompetensi yang dikemukakan oleh McBer (1996) dalam Mazarul et al. (2020), menyatakan terdapat tiga komponen kompetensi yang utama, iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai atau personaliti. Apabila seseorang guru bukan opsyen menghadiri kursus atau latihan maka kemahiran dan pengetahuan boleh dikuasai. Kemahiran dan pengetahuan adalah kompetensi yang mudah dikenal pasti dan diukur. Nilai adalah faktor yang menentukan kecemerlangan seseorang dalam melaksanakan tugasnya. Oleh itu, pembangunan standard kompetensi telah menjadi asas dalam model Standard Guru Malaysia.

Kajian ini memfokuskan kepada kompetensi guru bukan opsyen yang mengajar subjek Bahasa Melayu di Daerah Tatau dan Sebauh. Kepentingan kajian dilihat daripada keupayaan guru mengamalkan tiga komponen kompetensi yang utama iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai atau personaliti dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu. Hal ini sudah pastinya selaras dengan Standard Kualiti Guru (SGM)2.0 (KPM 2019). SGM2.0 ini terdiri dari dua komponen iaitu dimensi kompetensi dan etika keguruan. Dimensi kompetensi menjelaskan kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru pada pelbagai tahap pembangunan profesionalisme untuk melaksanakan PdP dengan berkesan.

Etika Keguruan merupakan prinsip moral dan nilai akhlak yang seharusnya menjadi pegangan dan amalan guru di Malaysia bagi memastikan profesion keguruan sebagai kerjaya profesional serta dipandang mulia oleh masyarakat. Apabila seseorang guru mengajar subjek bukan opsyen dengan memiliki kompetensi yang tinggi seperti yang telah digariskan dalam SGM 2.0, maka kualiti pengajaran guru pasti akan lebih berkesan. Kompetensi guru bukan opsyen dalam mengajar subjek Bahasa Melayu adalah amat penting

khasnya dalam membantu meningkatkan kualiti guru dan profesion keguruan.

Isu guru-guru kurang profesional dalam melaksanakan peranan sebagai pendidik, merupakan satu bentuk ancaman yang mampu memberi kesan negatif terhadap sistem pendidikan di mana wujud kelemahan dalam amalan pembangunan profesional dari pelbagai aspek yang menyebabkan pengajaran yang dilaksanakan menjadi kurang berkesan. Kegagalan menguruskan perkembangan profesionalisme guru dengan berkesan akan memberi impak terhadap nilai kompetensi mereka sebagai tenaga pengajar dan institusi pendidikan (Mazarul et al. 2020).

Apabila guru diberikan kepercayaan untuk mengajar subjek bukan opsyen tanpa diberikan kursus, latihan mahupun inisiatif daripada guru itu sendiri untuk meningkatkan kemahiran diri sudah pasti hal ini menyebabkan guru mengalami kesukaran dalam mengajar dan menyampaikan ilmu. Menurut Zamri dan Anita (2020), ramai guru novis yang baharu berkhidmat berasa terbeban apabila terpaksa mengajar subjek bukan opsyen dan menjadinya kurang bersemangat dalam tugas. Guru yang mengajar subjek bukan opsyen akan berdepan dengan kesukaran untuk memikul tanggungjawab mengajar subjek teras. Hal ini kerana guru tersebut terpaksa mempelajari semula ilmu baharu yang jauh berbeza daripada bidang utamanya.

Isu guru bukan opsyen ini semakin berlarutan berikutan kekurangan calon guru di Institut Pendidikan Guru (IPG), selain ketidakpadanan opsyen mata pelajaran tertentu dengan kekosongan semasa. Apabila kita meneliti permasalahan ini, maka sudah pasti kita ketahui bahawa para pentadbir akan memilih guru-guru yang memiliki kelayakan ikhtisas yang dianggap tidak penting mengajar subjek ini. Kajian Hafizati Husna dan Suziyani (2021) mendapati terdapat perbezaan dalam aspek kemahiran dan sikap antara guru yang mengajar mengikut opsyen dan guru yang mengajar bukan opsyen dan dibuktikan menerusi kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Norlizam (2017). Hal ini tentunya bercanggah dengan SGM2.0 yang menekankan orientasi ilmu, kualiti peribadi, instruksional dan pelibatan komuniti (KPM 2019).

PENYATAAN MASALAH

Isu kompetensi guru bukan opsyen ini timbul juga ada kaitannya dengan isu kekurangan guru. Selain dari pihak pentadbir meletakkan guru bukan opsyen mengajar subjek tertentu ada juga isu melibatkan guru ganti yang tidak mempunyai kelayakan ikhtisas untuk menggantikan guru bersalin misalnya. Hal ini sudah pasti menjejaskan kualiti pengajaran guru dan seterusnya memberikan impak terhadap prestasi murid. Menurut Norfatimah (2017), kemahiran mengajar pada seseorang guru didapati daripada pengalaman lalu dan biasanya guru yang sudah lama mengajar subjek tersebut mahir dengan selok-belok subjek yang diajarnya.

Guru yang mengajar subjek yang bukan daripada bidang kepakaran akan menghadapi masalah untuk mengajar dalam bilik darjah. Guru tersebut akan menghadapi masalah dan memberi kesan kepada kualiti pendidikan (Norliza dan Fadzilah 2016). Guru-guru yang mengajar subjek luar bidang menggunakan kaedah tradisional, iaitu membacakan buku teks sedangkan kerajaan sedang bergiat menyeru guru-guru menggunakan pembelajaran abad ke-21 dalam proses PdP (Happri Novrizi 2018). Guru yang kurang pengetahuan dan kemahiran dalam subjek yang diajar didapati kurang efikasi sendiri. Mereka yang kurang bermotivasi akan menghindarkan diri daripada menjawab soalan-soalan murid berkenaan dengan isi kandungan subjek.

Keadaan ini menyebabkan satu kerugian pada pihak murid-murid sekiranya guru yang mengambil alih kelas tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik. Hal ini seterusnya menyebabkan PdP tidak dapat dijalankan dengan baik kerana guru yang tidak berkelayakan diajar mengajar subjek tertentu yang bukan bidang mereka (Zamri dan Anita 2020). Berikutan beban tugas guru yang semakin bertambah dan pengisian program yang semakin padat di sekolah pada masa kini turut menyumbang kepada banyak guru tidak dapat menghabiskan silibus pengajar mengikut masa yang telah ditetapkan. Kesannya murid-murid tidak mendapat kandungan ilmu dan kemahiran yang sepatutnya diperoleh. Hal ini sudah tentu merugikan murid sekali gus mampu menjejaskan usaha dalam mencapai enam aspirasi murid di mana salah satunya ialah pengetahuan.

Proses pengambilan guru yang memakan masa untuk menyediakan ruang kosong sementara menunggu guru baharu datang untuk bertugas. Oleh itu, pihak pengurusan sekolah (Pengetua atau Guru Besar) perlu membuat sesuatu agar penggantian guru dapat dilakukan

terus tanpa penangguhan. Walau apapun alasannya, sesi PdP perlu berjalan dan ketiadaan guru mungkin akan memberi kesan kepada pencapaian murid tersebut. Hal ini kerana bilangan guru yang kurang dan tidak sepadan dengan jumlah bilangan subjek yang diajar banyak menyebabkan guru terpaksa mengambil pelbagai subjek termasuklah mengajar subjek bukan opsyen demi memastikan sesi PdP tetap berjalan dan murid-murid tidak ketinggalan dalam PdP.

Di peringkat sekolah, pentadbir diminta untuk sentiasa mengemas kini Borang Status Kedudukan Guru (BSKG) dan Modul Pengurusan Guru (Sistem e-OPERASI) yang merupakan sumber utama data guru KPM. Keperluan data guru yang sahih, tepat dan terkini sangat penting kepada KPM dalam membuat keputusan dasar dan perancangan berkaitan unjuran pengambilan, penempatan, pertukaran serta pembangunan profesionalisme guru. Oleh itu, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) selaku penyelarasa kepada modul tersebut bertanggungjawab untuk memastikan kesahan dan kesahihan data guru. (KPM 2022). Apabila pihak pengurusan sekolah kurang peka atau tidak mengisi data guru mengikut situasi sebenar maka hal ini mampu menyebabkan timbulnya isu ketidaksepadanan opsyen guru di sekolah tersebut. Pada masa yang sama, kecuaian ini bukan hanya berlaku pada peringkat pentadbiran sekolah sahaja malah berlaku pada peringkat pentadbiran PPD dan JPN khasnya yang melibatkan penempatan guru-guru ke kawasan pedalaman.

Sekolah pedalaman sukar untuk memperoleh guru opsyen mengikut keperluan dan isu kekurangan guru sentiasa berlaku. Adakalanya guru yang dihantar tidak melapor diri, sebahagian merayu untuk ditempatkan di tempat pilihan mereka. Hal ini mampu menjejaskan prestasi murid pedalaman kerana mereka tidak dapat bersaing bagi mencapai kecemerlangan. Pada masa yang sama hal ini mampu menimbulkan jurang dari segi pendidikan murid di bandar dan di pedalaman (Liong dan Nurfaradilla 2022).

Justeru, kajian dijalankan untuk mengetahui tahap pengetahuan, kemahiran dan motivasi mengajar guru Bahasa Melayu bukan opsyen. Turut dikaji ialah sejauh mana aspek jantina guru bukan opsyen mempengaruhi pengetahuan, kemahiran dan motivasi mereka ketika mengajar Bahasa Melayu di sekolah-sekolah rendah di Daerah Tatau dan Sebauh di Sarawak.

SOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan bagi soalan-soalan kajian yang berikut:

1. Apakah tahap pengetahuan guru bukan opsyen yang mengajar subjek Bahasa Melayu?
2. Apakah tahap kemahiran mengajar guru bukan opsyen dalam mengajar subjek Bahasa Melayu?
3. Apakah tahap motivasi guru bukan opsyen dalam mengajar subjek Bahasa Melayu?
4. Apakah perbezaan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu bukan opsyen berdasarkan jantina?
5. Apakah perbezaan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu bukan opsyen berdasarkan jantina?
6. Apakah perbezaan antara tahap motivasi guru Bahasa Melayu bukan opsyen berdasarkan jantina?

HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian empat hingga enam:

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru Melayu bukan opsyen berdasarkan jantina.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu bukan opsyen berdasarkan jantina.
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap motivasi guru Bahasa Melayu bukan opsyen berdasarkan jantina.

GURU BUKAN OPSYEN BAHASA MELAYU

Haslina et al. (2017) menyatakan guru yang mengajar subjek berlainan daripada kelayakan ikhtisas dikenali sebagai guru bukan opsyen. Menurut Roslan (2014), guru bukan opsyen juga boleh dimaksudkan dengan (i) guru sementara, (ii) guru kontrak, (iii) guru yang dipinjamkan bagi tujuan menggantikan tempat kekosongan tenaga pengajar, (iv) guru-guru tiada pengkhususan. Hal ini bermakna guru bukan opsyen merupakan guru yang tidak mempunyai kelayakan ikhtisas dalam PdP, termasuk yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam kajian ini, guru bukan opsyen membawa maksud guru-guru yang bukan daripada aliran atau bidang Bahasa Melayu dan tiada pengkhususan langsung berkaitan mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kompetensi guru bukan opsyen dalam mengajar subjek Bahasa Melayu adalah amat penting khasnya dalam membantu meningkatkan kualiti guru dan profesion keguruan. Seperti yang telah dinyatakan pada Standard Kualiti Guru (SGM)2.0 (KPM 2019) terdiri daripada dua komponen, iaitu dimensi kompetensi dan etika keguruan. Dimensi kompetensi menjelaskan kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru pada pelbagai tahap pembangunan profesionalisme untuk melaksanakan PdP dengan berkesan. Manakala Etika Keguruan merupakan prinsip moral dan nilai akhlak yang seharusnya menjadi pegangan dan amalan guru

di Malaysia bagi memastikan profesion keguruan sebagai kerjaya profesional serta dipandang mulia oleh masyarakat. Apabila seseorang guru bukan opsyen mengajar subjek bukan opsyen dengan memiliki kompetensi yang tinggi seperti yang telah digariskan dalam SGM2.0, maka kualiti pengajaran guru pasti akan lebih berkesan.

Kompetensi guru amat penting dalam mewujudkan suasana PdP yang lebih berkesan khasnya bagi guru Bahasa Melayu yang memerlukan kemahiran pengajaran dan tidak hanya bergantung kepada kandungan ilmu semata-mata. Apabila seseorang guru berjaya memiliki kompetensi yang tinggi, maka guru berkualiti juga dapat dilahirkan. Guru berkualiti ini amat penting dalam menjayakan semua visi dan misi KPM sekali gus dapat meningkatkan mutu pendidikan negara ke arah lebih baik. Kompetensi guru memudahkan guru untuk lebih yakin dalam kerjaya impaknya murid akan menjadi lebih berdaya saing melalui penglibatan murid yang aktif dengan bimbingan guru yang berkualiti. Penelitian ini jelas menunjukkan kepentingan kompetensi guru Bahasa Melayu walaupun bukan opsyen, tetapi sekiranya guru tersebut memiliki kualiti peribadi yang tinggi seperti mengamalkan peningkatan dan refleksi sendiri mampu membantu guru tersebut menjadi guru yang lebih berkualiti.

STANDARD GURU MALAYSIA

SGM2.0 (KPM2019) merupakan salah satu dokumen yang menjadi rujukan berkaitan kompetensi yang perlu dicapai dan etika yang perlu dijiwai, diamalkan serta diperlihatkan oleh guru di Malaysia. SGM2.0 terdiri daripada Dimensi Kompetensi dan Etika Keguruan. Dalam Dimensi Kompetensi menjelaskan empat kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru pada pelbagai tahap pembangunan profesionalisme untuk melaksanakan PdP mereka dengan lebih berkesan. Etika Keguruan pula menjelaskan prinsip moral dan nilai akhlak yang seharusnya menjadi pegangan dan amalan guru di Malaysia bagi memastikan profesion keguruan sebagai kerjaya profesional dan dipandang mulia oleh masyarakat. Empat teras etika keguruan yang dimaksudkan ialah: (i) tanggungjawab terhadap profesion, (ii) tanggungjawab terhadap murid, (iii) tanggungjawab terhadap ibu bapa/penjaga, dan (iv) tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara. Dengan mengikuti garis panduan ini, guru boleh meningkatkan kualiti pengajaran dan seterusnya menunjukkan contoh yang baik kepada pelajar mereka (KPM 2019). Dengan adanya pelaksanaan SGM2.0, berkecayaan, dan terus berinovasi dalam usaha menyediakan pendidikan berkualiti kepada murid sekolah.

Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) Kualiti@Sekolah (KPM 2013) atau dikenali juga sebagai Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) diperkenalkan bagi membantu meningkatkan kualiti guru di Malaysia. SKPM Kualiti@Sekolah melibatkan pemantauan dan penilaian berterusan terhadap kualiti pendidikan di Malaysia, termasuklah prestasi guru. Pemantauan dan penilaian yang berkesan menggunakan borang pemantauan Standard 4, PdP guru, dapat membantu guru dan pentadbir mengenal pasti kelemahan yang terdapat dalam

PdP. Oleh itu, langkah pemulihan dan penambahbaikan boleh diambil. Guru akan menerima maklum balas dan bimbingan yang berguna untuk mengenal pasti bidang yang mana perlu ditingkatkan kemahiran dan prestasi mereka. SKPM Kualiti@Sekolah juga memberi penekanan kepada pembelajaran berterusan dalam kalangan guru.

Guru digalakkan supaya mengikuti kursus, seminar dan program pembangunan professional untuk meningkatkan pengetahuan dan kecekapa mereka dalam bidang PdP. Hal ini termasuk kursus yang memberikan tumpukan kepada kaedah pengajaran terkini, teknologi pendidikan, penilaian dan penambahbaikan kurikulum, dan pengetahuan mata pelajaran yang lebih mendalam. Pembelajaran berterusan ini membantu guru meningkatkan penguasaan dan keberkesanan pengajaran. Keterangkuman dalam pendidikan dan pemupukan bakat murid turut diberi penekanan penting dalam SKPM Kualiti@Sekolah. Dalam konteks ini guru diharapkan dapat mengenali keperluan pelajar yang berbeza dan memberikan arahan yang sesuai untuk memenuhi keperluan setiap individu.

Guru juga perlu memahami dan mengaplikasikan kaedah pengajaran yang dapat memupuk bakat murid yang berbeza. Melalui pemahaman dan pelaksanaan prinsip inklusif dan memupuk bakat, guru dapat meningkatkan kualiti pendidikan mereka. Pelaksanaan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Kualiti@Sekolah, diharapkan kualiti guru di Malaysia akan meningkat. Hal ini kerana guru digalakkan untuk terus memperbaiki diri, melibatkan diri dalam pembelajaran berterusan, dan mengamalkan amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru, kualiti pendidikan di Malaysia secara keseluruhannya akan meningkat.

KAJIAN KOMPETENSI GURU BUKAN OPSYEN

Kajian yang telah dijalankan oleh Nur E'zzati dan Zamri (2022) membuktikan bahawa tahap kemahiran pedagogi dan motivasi guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah berada pada tahap sederhana, manakala tahap sikap guru bukan opsyen Bahasa Melayu pada tahap yang rendah. Hal ini bermakna guru-guru ini memiliki pemahaman mengajar yang sedikit tentang Bahasa Melayu, PdP Bahasa Melayu, dan sebagainya. Pemahaman pedagogi tentang kurikulum dan PdP Bahasa Melayu ini banyak memberikan kesan negatif kepada guru bukan opsyen ini ketika mengajar Bahasa Melayu. Mereka bukan sahaja kurang pengalaman

mengajar (74/80 orang memiliki pengalaman mengajar 1-3 tahun), tetapi mereka juga tidak memiliki kelulusan dalam bidang pendidikan atau pengajian Bahasa Melayu. Pengetahuan bahasa dan linguistik Bahasa Melayu adalah rendah.

Kajian yang dilaksanakan oleh Hafizati Husna dan Suziyani (2021) menyatakan bahawa tahap pengetahuan guru-guru bukan opsyen dalam pengajaran pendidikan prasekolah berada pada tahap tinggi dan tahap kemahiran guru-guru bukan opsyen dalam mengendalikan kanak-kanak di kelas prasekolah berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian ini juga mendapati

bahawa walaupun guru kurang mempunyai keyakinan dalam menyampaikan isi kandungan PdP tetapi guru-guru ini sentiasa positif dan sentiasa bersungguh-sungguh untuk meningkat dan memperbaiki penguasaan dalam pengetahuan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sikap dan penerimaan seseorang guru itu mampu membentuk cara pemikiran dan seterusnya membantu dalam menyampaikan PdP yang lebih baik walaupun guru tersebut bukan opsyen.

Guru bukan opsyen ini juga dapat dilihat dari segi pengalaman mengajar di mana terdapat guru bukan opsyen baharu dan guru bukan opsyen berpengalaman. Kajian yang dijalankan oleh Magdeline dan Zamri (2014) ini bertujuan untuk mengetahui cara pengetahuan pedagogi kandungan dilaksanakan dalam bentuk penaakulan pedagogi dan tindakan guru semasa proses pdp. Dapatan kajian mendapati bahawa guru baharu akan merujuk guru bahasa Iban yang lebih berpengalaman semasa membuat persediaan sebelum mengajar. Guru bahasa Iban berpengalaman akan merujuk kepada guru baharu untuk mendapat jawapan bagi persoalan mereka. Pada masa yang sama, kajian menunjukkan faktor pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Iban telah membentuk corak pengajaran yang berbeza antara guru bahasa Iban baharu dan guru bukan opsyen berpengalaman dalam setiap peringkat perkembangan pengajaran. Hal ini memberikan gambaran bahawa kompetensi guru tidak hanya bergantung kepada guru opsyen atau bukan opsyen semata-mata.

Kajian yang dijalankan oleh Awaif et al. (2018) membuktikan dapatan kajian yang sama dengan kajian yang telah dinyatakan sebelum ini dimana tahap kompetensi guru Bahasa Arab di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di

Malaysia berada pada tahap sederhana. Kompetensi dan kualiti guru dalam penguasaan bahasa sangat dominan terhadap semua dimensi yang diperlukan oleh guru. Hal ini kerana sebagai guru bahasa Arab, profesional dan kelayakan adalah pada dimensi bahasa yang mesti berada pada tahap utama berbanding dimensi-dimensi lain. Penguasaan guru bahasa Arab dalam tatabahasa yang tinggi mampu meletakkan guru bahasa Arab merentas semua bidang pengajaran. Khususnya guru-guru di SABK yang terlibat dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Kajian ini jelas menunjukkan bahawa sebagai guru yang mengajar bahasa misalnya Bahasa Melayu penguasaan guru dalam menggunakan Bahasa Melayu amat penting yang meliputi tatabahasa.

Kajian yang dijalankan oleh Banu dan Mua'Azam (2018) yang bertujuan untuk meninjau kesediaan guru luar bidang terhadap PdP Bahasa Inggeris di dalam bilik darjah. Hasil daripada tinjauan literatur didapati kesediaan guru sangat penting bagi menjamin kualiti sistem pendidikan. Guru-guru luar bidang bahasa Inggeris yang diarah untuk mengajar subjek tersebut perlu mempunyai kesediaan dari segi kemahiran, pengetahuan dan sikap dalam PdP di bilik darjah. Guru yang mampu menghadapi cabaran akan mengambil inisiatif untuk belajar kemahiran, teknik dan strategi dalam bidang tersebut. Hal ini secara langsung akan mendorong dalam pencapaian akademik murid. Bagi guru yang kurang bermotivasi dan menyalahkan situasi semasa akan mengakibatkan kemerosotan dalam pencapaian murid. Perkara ini kerana tinjauan daripada kajian-kajian yang lepas mengatakan guru merupakan elemen yang penting dalam keberhasilan murid.

KAEDAH KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Menurut Ramlee dan Nordin (2020), penyelidikan kuantitatif merupakan kaedah yang memberikan fokus kepada cara manusia memberi makna dan menterjemah pengalaman dan fenomena sosial dalam kehidupan sebenar. Penyelidikan kuantitatif juga untuk meneroka tingkah laku, perspektif, perasaan, dan

pengalaman individu, masyarakat dan budaya sekali gus bertujuan untuk menyelami perkara-perkara yang mendasari kehidupan manusia. Normaliza (2019) berpendapat bahawa kajian berbentuk kuantitatif dapat membataskan skop kajian, masa kajian, peserta kajian dan lokasi kajian yang membolehkan sesebuah kajian dilaksanakan secara terperinci dan menyeluruh

Pensampelan Kajian

Menurut Normaliza (2019), populasi merupakan sekumpulan manusia yang dikenal pasti serta mempunyai beberapa ciri tertentu yang sama dan seragam. Pensampelan pula merupakan proses pemilihan elemen dalam populasi kajian bagi mewakili populasi sesebuah kajian. Oleh itu, kajian ini melibatkan sekitar 60 orang guru

bukan opsyen yang mengajar subjek Bahasa Melayu di sekolah kebangsaan di sekitar daerah Tatau dan Sebauh. Normaliza (2019) menyatakan bahawa proses pensampelan yang baik dan sempurna dapat membantu membuat generalisasi melalui pengujian hipotesis kajian. Kaedah pensampelan yang telah dipilih

adalah berbentuk pensampelan bertujuan. Pensampelan ini dipilih berdasarkan kategori yang dibina oleh pengkaji, misalnya guru Bahasa Melayu bukan opsyen di sekolah kebangsaan di daerah Tatau dan Sebauh. Bilangan guru bukan opsyen yang mengajar subjek Bahasa Melayu

sekolah kebangsaan di daerah Tatau dan Sebauh diperoleh dari Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Tatau/Sebauh seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Jumlah responden yang terlibat adalah seramai 60 orang.

JADUAL 1: Bilangan Guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah PPD Tatau dan Sebauh 2024
(Sumber data: PPD Tatau/Sebauh)

Bil.	Sekolah Kebangsaan (SK)	Bil. Guru BM	Bil. Guru BM (Opsyen Teras)	Bil. Guru BM (Opsyen Elektif)	Bil. Guru BM (Bukan Opsyen)
1	SK. Bukit Mawang	3	1	1	1
2	SK. Hermanus Assan	3	0	0	3
3	SK. Kelawit	8	2	2	4
4	SK. Kuala Annau	3	1	1	1
5	SK. Kuala Binyo	3	2	1	0
6	SK. Kuala Kebulu	4	0	2	2
7	SK. Kuala Muput	4	0	1	3
8	SK. Kuala Serupai	4	3	0	1
9	SK. Kuala Sigu	2	1	0	1
10	SK. Kuala Tatau	3	1	1	2
11	SK. Labang	5	2	1	2
12	SK. Ng Penyarai	6	1	1	4
13	SK. Ng Tau	4	1	0	3
14	SK. Pandan	5	1	0	4
15	SK. Rumah Tayai	5	2	1	2
16	SK. Rumah Barrau	5	1	0	4
17	SK. Rumah Keseng	5	0	0	5
18	SK. Sangan Iban	4	2	0	2
19	SK. Sebauh	9	3	0	6
20	SK. Sungai Bagian	5	1	1	3
21	SK. Sungai Bukit Balai	10	2	1	7
22	SK. Sungai Genaan	4	1	1	2
23	SK. Sungai Sebungan	3	0	0	3
24	SK. Sungai Sengian	4	1	0	3
25	SK. Tatau	17	3	6	8
26	SK. Ulu Kakus	6	3	2	1
Jumlah		134	35	23	77
Peratusan (%)		100%	26%	17%	56%

Lokasi Kajian

Kajian ini melibatkan 26 buah sekolah kebangsaan di sekitar daerah Tatau dan Sebauh. Kedua-dua daerah ini adalah di bawah pentadbiran PPD Tatau/Sebauh. Kebanyakan

sekolah ini berada di luar bandar, dan juga berada di Pedalaman 1, Pedalaman 2 serta Pedalaman 3.

Instrumen Kajian

Bagi mendapatkan data penilaian bagi kajian ini, pengkaji telah menyediakan instrumen kajian yang terdiri daripada satu set soal selidik yang digunakan oleh guru. Fungsi soal selidik dalam sesuatu kajian adalah untuk penganalisisan data deskriptif dan inferensi bagi tujuan pengukuran data (Ghazali dan Sufean 2022). Soal selidik yang disediakan terdiri daripada lima bahagian (Bahagian A, B, C dan D) yang merangkumi maklumat demografi responden, tahap pengetahuan, tahap kemahiran, tahap motivasi

dalam pelaksanaan PdP. Soalan soal selidik diedarkan dengan menggunakan *Google Form* bagi memudahkan pengedaran borang soal selidik melalui atas talian. Pengkaji telah menggunakan aplikasi *WhatsApp* untuk mengedarkan soal selidik tersebut. Terdapat 20 item yang telah dibina berdasarkan skal Libert 5 mata, iaitu: 1 = Sangat Tidak Setuju (STJ), 2 = Tidak Setuju (TS), 3 = Kurang Setuju (KS), 4 = Setuju (S) dan 5 = Sangat Setuju (ST).

Analisis Data

Data yang telah diperoleh dianalisis menggunakan SPSS 26.0. Analisis soal selidik ini kepada dua bahagian iaitu Bahagian A untuk demografi manakala Bahagian B untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, kemahiran dan motivasi guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah. Data seterusnya dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan mengambil kira min, sisihan piawai, frekuensi dan peratusan bagi setiap item yang telah dibina. Analisis deskriptif bagi tahap purata min adalah dinilai berdasarkan skala min yang dibangunkan oleh Jamil (2002) dalam Normaliza (2019) di mana skor 1.00 – 2.33 (Rendah), min 2.34 - 3.66 (Sederhana) dan 3.67 – 5.00 (Tinggi). Skor min ini digunakan untuk menentukan tahap min bagi pemboleh

ubah yang dikaji iaitu tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap motivasi.

Bagi analisis inferensi, ujian-t dilaksanakan untuk menentukan perbezaan antara dua kumpulan daripada populasi yang sama (Majid Konting 2009). Ujian-t adalah ujian statistik yang digunakan untuk menguji rata-rata nilai taburan dengan andaian bahawa taburan sampel ialah normal. Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan ujian t untuk membandingkan antara dua kumpulan, iaitu jantina responden. Menurut Ghazali dan Sufean (2022) nilai min yang besar memberi lebih besar peluang hipotesis kajian untuk ditolak. Kesemua dapatan kemudiannya telah diklasifikasikan ke dalam bentuk jadual.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian secara deskriptif dengan melihat kepada frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Untuk analisis inferensi, ujian-ti digunakan. Data yang telah diperoleh melalui soal selidik yang telah diedarkan menggunakan pautan *Google Form* ini seterusnya dianalisis

menggunakan aplikasi SPSS versi 26.0. Dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu demografi responden, tahap pengetahuan, kemahiran dan motivasi serta tahap perbezaan bagi tahap pengetahuan, kemahiran dan motivasi berdasarkan jantina responden.

Demografi Responden Kajian

Analisis dapatan kajian ini mendapati bahawa jumlah guru wanita lebih ramai daripada guru lelaki. Responden perempuan seramai 37 orang yang mewakili 61.7% manakala jumlah responden lelaki 23 orang yang mewakili 38.3%. Berdasarkan umur pula, pengkaji telah mengkategorikan umur kepada empat bahagian utama. Berdasarkan analisis, julat umur yang tertinggi adalah 26 tahun hingga 30 tahun iaitu sebanyak 37 orang ataupun 61.7%. Peratusan ini jelas membuktikan bahawa separuh daripada responden berumur sekitar 26 tahun hingga 30 tahun. Analisis umur responden mendapati responden yang berumur 31 tahun hingga 35 tahun iaitu sebanyak 8 orang atau 13.3 % jumlah ini hampir sama dengan responden yang berumur antara 36 hingga 60 tahun iaitu seramai 9 orang

atau 15%. Pada masa yang sama, hanya sebanyak tiga orang atau 5.0% responden berumur bawah 25.

Dari segi tahap pendidikan pula hampir semua responden memiliki Ijazah Sarjana Muda iaitu 55 orang atau 91.7%, diikuti Ijazah Sarjana sebanyak 5 orang atau 8.35%. Selain itu, jika dilihat dari aspek pengalaman mengajar, majoriti guru-guru ini merupakan guru-guru novis yang memiliki pengalaman mengajar kurang daripada 5 tahun. Sebanyak 45 orang atau 75% memiliki pengalaman mengajar kurang daripada 5 tahun. Diikuti 6 hingga 10 tahun 9 orang atau 15% dan pengalaman mengajar 11 hingga 20 tahun sebanyak 6 orang atau 10%. Jadual 2 merumuskan secara ringkas dapatan kajian mengenai demografi responden.

JADUAL 2: Demografi responden kajian

Demografi Responden		Kekerapan (N=60)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	23	38.3
	Perempuan	37	61.7
	Bawah 25	3	5.0
Umur	26 hingga 30	37	61.7
	31 hingga 35 tahun	8	13.3
	36 hingga 60 tahun	9	15

Tahap Pendidikan	Ijazah Sarjana Muda	55	91.7
	Ijazah Sarjana	5	8.3
	Kurang daripada 5 tahun	45	75
Pengalaman Mengajar	6 hingga 10 Tahun	9	15
	11 hingga 20 Tahun	6	10

Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu Bukan Opsyen

Berdasarkan domain yang terdapat pada SGM2.0, orientasi ilmu merupakan salah satu aras pengetahuan guru dalam melaksanakan PdP seperti yang dinyatakan dalam model kompetensi. Oleh itu, 7 item yang bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu bukan opsyen ini dibina. Berdasarkan Jadual 3, secara rumusan, kesemua item memperoleh purata min pada tahap yang tinggi, hal ini menunjukkan guru bukan opsyen di daerah Tatau/Sebauh mempunyai aras pengetahuan yang tinggi berkaitan dengan pengetahuan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Item yang memperoleh item tertinggi ialah item 2: “*Saya sentiasa meneroka ilmu pengetahuan yang baharu untuk meningkatkan mutu PdP*” ($min = 4.10$ dan $sp = 0.68$) yang berada pada tahap tinggi. Dari segi kekerapan dan peratusan, menunjukkan seramai 16 orang menyatakan sangat setuju (26.7%), 35

orang menyatakan setuju (58, 3%), 8 orang kurang pasti (13.3%), seorang tidak setuju (1.7%).

Item yang memperoleh min yang terendah ialah item 1: “*Saya memahami pelbagai strategi yang sesuai dalam pengajaran Bahasa Melayu*” ($min = 3.63$ dan $sp = 0.76$) berada pada tahap sederhana. Dari segi peratusan dan kekerapan sebanyak 6 orang memilih sangat setuju dengan item ini (10%), separuh daripada responden hanya setuju dengan item ini, iaitu seramai 30 orang (50%), seramai 20 orang memilih tidak pasti (28.6%) dan hanya 4 orang yang memilih tidak setuju (5.7%). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pengetahuan guru Bahasa Melayu bukan opsyen dalam pdp pada tahap yang tinggi dengan purata nilai min 3.92 dan sisihan piawai 0.74.

JADUAL 3: Tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu bukan opsyen

Bil	Pernyataan Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Saya memahami pelbagai strategi yang sesuai dalam pengajaran Bahasa Melayu.	3.63	0.76	Sederhana
2	Saya sentiasa meneroka ilmu pengetahuan yang baharu untuk meningkatkan mutu PdP.	4.10	0.68	Tinggi
3	Saya memahami isi kandungan DSKP Bahasa Melayu secara holistik.	3.70	0.83	Tinggi
4	Saya memahami kesemua aspek kemahiran berbahasa (mendengar & bertutur, membaca, menulis, seni bahasa dan tatabahasa).	3.82	0.77	Tinggi
5	Saya meningkatkan pengetahuan dari semasa ke semasa mengenai trend dan perkembangan pendidikan terkini.	4.03	0.76	Tinggi
6	Saya dapat menjawab semua soalan murid ketika sesi PdP Bahasa Melayu.	4.08	0.70	Tinggi
7	Saya dapat menentukan bahan bantu mengajar yang sesuai untuk PdP Bahasa Melayu.	4.08	0.70	Tinggi
Min Keseluruhan		3.92	0.74	Tinggi

Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Bukan Opsyen

Elemen yang turut dinilai dalam aspek kompetensi ini ialah kemahiran atau dalam SGM 2.0 diistilahkan sebagai instruksional yang menggariskan empat aspek utama yang perlu ditekankan, iaitu kemahiran dalam merancang dan melaksanakan PdP, memfokuskan

perkembangan potensi murid dan kemahiran dalam melaksanakan pentaksiran pembelajaran. Berdasarkan analisis Jadual 4, daripada kesemua item ini, item 1: “*Saya mengetahui perkembangan potensi setiap murid yang diajar*” ($min = 4.10$, $sp = 0.75$) yang berada pada tahap

yang tinggi. Seramai 18 orang responden sangat bersetuju dengan item ini yang mewakili 30%. Seramai 32 orang pula bersetuju dengan item ini yang mewakili 53.3%. Seramai 8 orang kurang pasti dengan pernyataan ini yang mewakili 13.3% dan terdapat juga dua orang responden (3.3%) tidak bersetuju dengan item ini.

Item yang menunjukkan min yang paling rendah ialah item 7: "*Kemahiran mengajar Bahasa Melayu yang dikuasai membolehkan saya mewujudkan suasana pdp yang menyeronokkan*" ($min = 3.90$ dan $sp = 0.68$). Seramai 10 orang sangat setuju yang mewakili 16.7% , seramai 35 orang setuju iaitu 58.3%, 14 responden kurang pasti iaitu 23.3% dan seorang tidak setuju, iaitu 1.4%. Secara rumusannya, analisis ini mendapati tahap kemahiran guru

bukan opsyen dalam pengajaran Bahasa Melayu adalah pada tahap yang tinggi dengan purata min 3.99 dan sisihan piawai 0.71.

Item yang menunjukkan min yang paling rendah ialah item 7: "*Kemahiran mengajar Bahasa Melayu yang dikuasai membolehkan saya mewujudkan suasana pdp yang menyeronokkan*" ($min = 3.90$ dan $sp = 0.68$). Seramai 10 orang sangat setuju yang mewakili 16.7% , seramai 35 orang setuju iaitu 58.3%, 14 responden kurang pasti iaitu 23.3% dan seorang tidak setuju, iaitu 1.4%. Secara rumusannya, analisis ini mendapati tahap kemahiran guru bukan opsyen dalam pengajaran Bahasa Melayu adalah pada tahap yang tinggi dengan purata min 3.99 dan sisihan piawai 0.71.

JADUAL 4: Tahap kemahiran guru Bahasa Melayu bukan opsyen

Bil	Pernyataan Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Saya mengetahui perkembangan potensi setiap murid yang diajar.	4.10	0.75	Tinggi
2	Saya merancang PdP yang mampu menarik minat murid untuk belajar.	4.01	0.72	Tinggi
3	Saya melaksanakan PdP yang mampu meningkatkan tahap kefahaman murid mengenai isi pembelajaran.	4.00	0.71	Tinggi
4	Saya menggunakan pelbagai medium pengajaran untuk menyokong pembelajaran yang lebih menyeronokkan.	3.93	0.69	Tinggi
5	Saya melaksanakan pentaksiran pembelajaran secara berterusan.	4.0	0.76	Tinggi
6	Saya memberikan tahap penguasaan yang sesuai berdasarkan kemahiran berbahasa murid.	4.03	0.69	Tinggi
7	Kemahiran mengajar Bahasa Melayu yang dikuasai membolehkan saya mewujudkan suasana PdP yang menyeronokkan	3.9	0.68	Tinggi
Min Keseluruhan		3.99	0.71	Tinggi

Tahap Motivasi Guru Bahasa Melayu Bukan Opsyen

Jadual 5 membincangkan aspek ketiga yang turut dinilai dalam kompetensi guru Bahasa Melayu bukan opsyen ini, iaitu aspek motivasi. Secara keseluruhannya nilai min = 4.13, manakala sisihan piawai = 0.77. Hal ini jelas menunjukkan tahap motivasi guru bukan opsyen berada pada tahap yang tinggi. Item yang mendapat min tertinggi ialah item 6: "*Saya sentiasa menunjukkan perwatakan positif ketika mengajar Bahasa Melayu*" ($min = 4.31$, $sp = 0.75$). Seramai 28 responden atau 46.7% sangat setuju dengan item ini. Manakala 24 responden atau 40% bersetuju dengan item. Seramai 7 orang responden atau 11.7% tidak pasti dengan item ini

dan seorang responden (1.7%) tidak setuju dengan item ini.

Analisis mendapati, antara item yang mendapat min yang agak rendah berbanding item lain ialah item 1: "*Saya mempunyai minat dalam mengajar subjek Bahasa Melayu*" ($min = 4.00$, $sp = 0.86$). Seramai 17 orang bersetuju dengan item ini yang mewakili 28.3% daripada responden. Kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka mempunyai minat dalam mengajar subjek Bahasa Melayu yang mewakili 50%. 10 responden ataupun 16.7% kurang pasti dengan item ini, dua orang (3.3%) tidak bersetuju dan seorang (1.7%) sangat tidak bersetuju dengan item ini.

JADUAL 5: Tahap motivasi guru Bahasa Melayu bukan opsyen

Bil	Pernyataan Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Saya mempunyai minat dalam mengajar subjek Bahasa Melayu.	4.00	0.86	Tinggi
2	Saya membimbing murid untuk sentiasa meningkatkan tahap penguasaan dalam setiap kemahiran berbahasa.	4.23	0.67	Tinggi
3	Saya menjiwai amalan keguruan sebagai seorang guru Bahasa Melayu.	4.08	0.81	Tinggi
4	Saya meningkatkan amalan pedagogi dalam diri.	4.03	0.78	Tinggi
5	Saa mengamalkan refleksi sendiri.	4.15	0.73	Tinggi
6	Saya sentiasa menunjukkan perwatakan positif ketika mengajar Bahasa Melayu	4.31	0.75	Tinggi
7	Saya mempunyai minat dalam mengajar subjek Bahasa Melayu.	4.00	0.86	Tinggi
Min Keseluruhan		4.13	0.77	Tinggi

Analisis Ujian-t: Perbezaan antara Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu Bukan Opsyen Berdasarkan Jantina

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu bukan opsyen berdasarkan jantina.

Pengkaji telah menguji perbezaan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu bukan opsyen berdasarkan jantina seperti yang ditunjukkan pada Jadual 6. Dapatan kajian mendapati nilai-t perbandingan tahap pengetahuan bagi guru bahasa Melayu bukan opsyen lelaki dan guru perempuan ialah $t = 0.967$ dan tahap signifikan $p = 0.338$. Tahap signifikan lebih besar daripada $0.05(p > 0.05)$. Oleh itu, **Ho1 gagal ditolak**. Hal ini bermakna, dari segi pengetahuan, guru lelaki dan guru perempuan Bahasa Melayu bukan opsyen mempunyai tahap pengetahuan yang sama tentang Bahasa Melayu seperti dari segi pengetahuan kurikulum Bahasa Melayu, pengetahuan isi kandungan, pengetahuan tentang penilaian dan pentaksiran Bahasa Melayu, pengetahuan tentang kemahiran berbahasa,

pengetahuan tentang bahan bantu mengajar dan lain-lain.

Sebaliknya, dari segi min, terdapat perbezaan. Dapatan kajian membuktikan skor min tahap pengetahuan guru lelaki adalah lebih tinggi (min 4.01) daripada guru perempuan (min 3.86). Hal ini bermakna, guru lelaki Bahasa Melayu bukan opsyen lebih berpengetahuan tentang kurikulum, isi kandungan, pedagogi mengajar, penilaian dan pentaksiran Bahasa Melayu berbanding guru perempuan Bahasa Melayu bukan opsyen.

JADUAL 6: Perbezaan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu bukan opsyen berdasarkan jantina

Konstruk	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai -t	Sig. (2 tailed)
Tahap pengetahuan	Lelaki	23	4.01	0.62	0.967	0.338
	Perempuan	37	3.86	0.60		

Analisis Ujian-t: Perbezaan antara Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Bukan Opsyen Berdasarkan Jantina

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu bukan opsyen berdasarkan jantina.

Ujian inferensi juga dilaksanakan bagi membuktikan perbezaan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu bukan opsyen berdasarkan

jantina seperti yang ditunjukkan pada Jadual 7. Dapatan kajian mendapati nilai-t perbandingan tahap kemahiran bagi guru bahasa Melayu bukan

opsyen lelaki dan guru perempuan ialah $t = 1.24$ dan tahap signifikan $p = 0.221$. Tahap signifikan lebih besar daripada $0.05(p > 0.05)$. Oleh itu, **Ho2 gagal ditolak**. Hal ini bermakna, dari segi kemahiran, guru lelaki dan guru perempuan Bahasa Melayu bukan opsyen mempunyai tahap kemahiran yang sama dalam PdP Bahasa Melayu. Kemahiran mengajar, kemahiran berbahasa, kemahiran mengurus pembelajaran murid, kemahiran merancang, dan kemahiran mentaksir sama-sama dikuasai oleh guru lelaki dan guru perempuan Bahasa Melayu bukan opsyen ini.

Namun demikian, dapatan kajian membuktikan skor min tahap kemahiran guru lelaki adalah lebih tinggi (min 4.12) berbanding guru perempuan (min 3.92) Bahasa Melayu bukan opsyen ini. Hal ini bermakna, dari segi min, guru lelaki Bahasa Melayu bukan opsyen lebih berkemahiran dalam hal-hal seperti kemahiran mengajar, kemahiran berbahasa, kemahiran mengurus pembelajaran murid, kemahiran merancang, dan kemahiran mentaksir soalan berbanding guru perempuan Bahasa Melayu bukan opsyen.

JADUAL 7: Perbezaan tahap kemahiran guru Bahasa Melayu bukan opsyen berdasarkan jantina

Konstruk	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai -t	Sig. (2 tailed)
Tahap kemahiran	Lelaki	23	4.12	0.64	1.240	0.221
	Perempuan	37	3.92	0.61		

Analisis Ujian-t: Perbezaan antara Tahap Motivasi Guru Bahasa Melayu Bukan Opsyen Berdasarkan Jantina

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap motivasi guru Bahasa Melayu bukan opsyen berdasarkan jantina.

Ujian inferensi juga dilaksanakan bagi membuktikan perbezaan antara tahap motivasi guru Bahasa Melayu bukan opsyen berdasarkan jantina seperti yang ditunjukkan pada Jadual 4.8. Dapatan kajian mendapati nilai t perbandingan tahap motivasi bagi guru bahasa Melayu bukan opsyen lelaki dan guru perempuan ialah $t = 0.533$ dan tahap signifikan $p = 0.596$. Tahap signifikan lebih besar daripada $0.05(p > 0.05)$. Oleh itu, **Ho3 gagal ditolak**. Hal ini bermakna, guru lelaki dan guru perempuan Bahasa Melayu bukan opsyen mempunyai tahap motivasi yang sama dalam PdP Bahasa Melayu seperti berminat mengajar Bahasa Melayu, sentiasa memberi bimbingan kepada anak murid mereka, menjiwai profesion keguruan, sentiasa meningkatkan kemahiran

pedagogi, membuat refleksi selepas PdP dan bersifat positif ketika mengajar Bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan nilai min dari segi tahap motivasi. Skor min tahap kemahiran guru lelaki adalah lebih tinggi (min 4.19) daripada guru perempuan (min 4.09). Guru lelaki Bahasa Melayu bukan opsyen lebih bermotivasi dalam PdP Bahasa Melayu jika dibandingkan dengan guru perempuan Bahasa Melayu bukan opsyen dalam hal-hal seperti berminat mengajar Bahasa Melayu, sentiasa memberi bimbingan kepada anak murid mereka, menjiwai profesion keguruan, sentiasa meningkatkan kemahiran pedagogi, membuat refleksi selepas PdP dan bersifat positif ketika mengajar Bahasa Melayu.

JADUAL 8: Perbezaan tahap motivasi guru Bahasa Melayu bukan opsyen berdasarkan jantina

Konstruk	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai -t	Sig. (2 tailed)
Tahap motivasi	Lelaki	23	4.19	0.73	23	4.19
	Perempuan	37	4.09	0.65		

PERBINCANGAN

Kompetensi guru merupakan satu elemen yang amat penting yang perlu dimiliki oleh setiap guru bagi mendukung gagasan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu, berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, tahap kompetensi guru

Bahasa Melayu bukan opsyen telah dinilai melalui tiga aspek utama, iaitu pengetahuan, kemahiran dan motivasi selaras dengan teori kompetensi Iceberg dan SGM 2.0.

Pengetahuan Guru Bukan Opsyen yang Mengajar Subjek Bahasa Melayu

Berdasarkan analisis deskriptif yang telah dilaksanakan, jelas menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru bukan opsyen yang mengajar subjek Bahasa Melayu ini pada tahap yang tinggi. Analisis mendapati kesemua item mencapai tahap purata min yang tinggi. Hal ini jelas membuktikan bahawa kebanyakan guru bukan opsyen Bahasa Melayu ini mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam mengajar Bahasa Melayu. Berdasarkan aspek orientasi ilmu yang digariskan dapat SGM2.0, kebanyakan guru-guru ini juga mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam memahami strategi, kandungan DSKP serta aspek kemahiran berbahasa yang lain. Kebanyakan guru ini juga dapat mengendalikan PdP dengan baik. Hal ini dapat dibuktikan melalui item soal selidik yang terlibat di mana kebanyakan guru dapat menjawab semua soalan murid ketika PdP Bahasa Melayu. Pada masa yang sama, mereka juga dapat menentukan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan PdP Bahasa Melayu. Seperti mana yang dinyatakan dalam SGM2.0, guru juga bertanggungjawab untuk meningkatkan pengetahuan dari semasa ke semasa tentang trend dan perkembangan pendidikan terkini. Analisis mendapati kebanyakan guru tersebut mempunyai tahap min yang tinggi bagi aspek ini. Hal ini selari dengan teori kompetensi "Iceberg" 1996

yang menyatakan pengetahuan merupakan satu elemen yang amat penting dan senang untuk dilihat dan dinilai.

Dapatan kajian ini agak bertentangan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Nur E'zzati dan Zamri (2023) yang menyatakan bahawa tahap pemahaman pedagogi guru bukan opsyen Bahasa Melayu ini pada tahap sederhana. Kajian ini juga mendapati bahawa kebanyakan guru bukan opsyen yang mengajar Bahasa Melayu ini merupakan guru novis yang memiliki pengalaman mengajar di mana 74 daripada 80 orang memiliki pengalaman mengajar 1 hingga 3 tahun. Hal ini berbeza dengan kajian yang dilaksanakan ini, di mana kebanyakan responden yang terlibat ini mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 5 tahun. Faktor pengalaman mengajar ini seterusnya mendorong guru-guru ini lebih matang dan bijak dapat memahami pedagogi Bahasa Melayu sehingga menyebabkan mereka boleh mengendalikan PdP dengan baik. Dapatan kajian ini selari kajian yang dilaksanakan oleh Reni Wiranti (2021) yang menyatakan pengalaman mengajar mempengaruhi profesionalisme guru dan pengalaman mengajar guru ini menyumbang sebanyak 33.6% terhadap pembangunan profesioalis guru, manakala 66.4% ditentukan oleh pengaruh lain.

Kemahiran Guru Bukan Opsyen yang Mengajar Subjek Bahasa Melayu

Menurut teori kompetensi Iceberg 1996, aspek kemahiran juga sama seperti aspek pengetahuan di mana kedua-dua aspek ini mudah dilihat dan dinilai. Analisis dapatan kajian menunjukkan secara kolektif, tahap kemahiran guru bukan opsyen yang mengajar Bahasa Melayu di daerah Tatau dan Sebauh berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini adalah berdasarkan penilaian terhadap kemahiran guru ataupun di bahagian SGM2.0 dikenali sebagai instruksional. Analisis kajian mendapati bahawa kebanyakan guru dapat mengetahui potensi setiap murid yang diajar. Kemahiran dalam mengetahui potensi murid ini amat penting supaya guru dapat merancang aktiviti PdP yang lebih berkesan bersesuaian dengan potensi murid.

Pada masa yang sama, kebanyakan responden juga dapat merancang PdP yang mampu menarik minat murid dan seterusnya mampu melaksanakan PdP yang mampu meningkatkan kefahaman murid mengenai isi pembelajaran. Kedua-dua aspek ini amat penting dalam pengajaran seseorang guru seperti yang digariskan dalam gagasan Transformasi Sekolah (TS25) dalam modul 3 yang menyatakan peranan guru sebagai perancang. Perancangan yang teratur adalah amat penting bagi menentukan

pencapaian matlamat. Selain itu, responden juga dapat menggunakan pelbagai medium pengajaran untuk menyokong PdP yang lebih menyeronokkan. Kemahiran dalam mengendalikan dan melaksanakan pentaksiran juga amat penting misalnya dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah (PBD) yang perlu dilaksanakan secara berterusan. Dapatan mendapati tahap min berada pada tahap tinggi dan hal ini jelas menunjukkan responden mempunyai kemahiran dalam melaksanakan pentaksiran pembelajaran secara berterusan dan seterusnya mampu memberikan tahap pengetahuan yang sesuai berdasarkan kemahiran berbahasa murid.

Kesemua kemahiran ini pada asasnya adalah bermula dengan pengetahuan yang kukuh yang dimiliki oleh setiap responden. Apabila responden mempunyai pengetahuan yang kukuh maka menjadi lebih mudah untuk responden mengaplikasikan pengetahuan tersebut kepada kemahiran dalam mengendalikan PdP. Misalnya, pengetahuan yang kukuh dalam DSKP memudahkan guru untuk melaksanakan pentaksiran kepada murid melalui tafsiran yang disediakan pada bahagian standard prestasi. Secara umumnya, dapat disimpulkan bahawa

responden mempunyai tahap kemahiran yang tinggi walaupun mereka ini tidak mempunyai kelulusan dalam bidang yang diajar. Dapatan kajian ini juga menyokong kepada pandangan Nur Athirah dan Faridah (2017) yang

menyatakan bahawa guru yang efektif merupakan guru yang berupaya mempelbagaikan kemahiran pengajaran dengan menerapkan aspek pengetahuan, kemahiran dan juga nilai.

Motivasi Guru Bukan Opsyen yang Mengajar Subjek Bahasa Melayu

Berdasarkan skor min tahap motivasi guru bukan opsyen berada pada tahap yang tinggi. Motivasi guru bukan opsyen yang mengajar subjek Bahasa Melayu ini berada pada tahap yang tinggi. Guru bukan opsyen ini menunjukkan sikap yang positif walaupun bukan mengajar bidang masing-masing. Hal ini termasuklah guru-guru bukan opsyen ini menunjukkan minat dalam mengajar Bahasa Melayu serta mampu menjiwai amalan keguruan. Guru bukan opsyen ini juga berupaya menunjukkan perwatakan yang positif ketika mengajar Bahasa Melayu dan mampu membimbing murid untuk sentiasa meningkatkan tahap penguasaan. Pada masa yang sama, kebanyakan guru ini juga mampu menjiwai amalan keguruan sebagai seorang guru seperti yang digariskan dalam SGM2.0. Kajian yang telah dilaksanakan oleh Mardzelah et al. (2022) mendapati ramai guru kurang jelas dengan objektif dan kandungan SGM2.0 dan pihak yang bertanggungjawab perlu memberi pendedahan secara lebih mendalam kepada guru. SGM2.0 adalah satu dokumen rujukan yang komprehensif dapat membantu guru dalam pelaksanaan PdP yang berkesan dan semua guru jelas dengan tanggungjawab guru terhadap profesion, murid, ibu bapa, masyarakat dan negara.

Dapatan kajian ini memiliki persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Mohamed Faizul et al. (2021) yang menyatakan bahawa tahap penaaakulan pedagogi guru Pendidikan Jasmani bukan opsyen berada pada tahap yang tinggi dan kemahiran dimiliki membolehkan mereka bersedia menyampaikan pengajaran dengan baik. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan persamaan dengan kajian yang

telah dilaksanakan ini yang menunjukkan tahap motivasi guru bukan opsyen berada pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini agak bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh Nur E'zzati dan Zamri (2023) yang menyatakan bahawa tahap motivasi guru bukan opsyen Bahasa Melayu pada tahap yang sederhana. Hal ini menunjukkan guru-guru bukan opsyen Bahasa Melayu kurang bermotivasi untuk mengajar Bahasa Melayu kerana ia berbeza dengan bidang kelulusan mereka.

Analisis daripada beberapa kajian ini mendapati bahawa aspek motivasi sukar untuk diukur dan sukar untuk dilihat seperti yang dinyatakan dalam Teori Kompetensi Iceberg. Hal ini demikian kerana motivasi ini melibatkan nilai intrinsik dalam diri guru. Nilai ini amat penting dalam menjamin kualiti guru kerana melalui motivasi yang tinggi seseorang guru itu akan lebih berusaha untuk meningkatkan tahap kompetensi diri misalnya dari aspek pengetahuan dan kemahiran dalam pedagogi walaupun seseorang guru tersebut diarahkan untuk mengajar subjek bukan jurusan sepatutnya. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa motivasi guru bukan opsyen Bahasa Melayu merupakan elemen yang penting agar proses penyampaian ilmu dapat berjalan dengan lebih efektif.

Tahap Pengetahuan, Tahap Kemahiran, Tahap Motivasi Guru Bukan Opsyen yang Mengajar Bahasa Melayu Berdasarkan Jantina

Kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan, tahap kemahiran, tahap motivasi berdasarkan jantina bagi guru Bahasa Melayu bukan opsyen. Walaupun, jika dilihat dari segi min, guru lelaki mempunyai purata min lebih dari segi ketiga-tiga konstruk berbanding guru wanita. Namun, perbezaan tersebut amat nipis. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dilaksanakan oleh Zohomi, Norhidayah dan

Zamri (2023) mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelaksanaan amalan pengajaran terbeza berdasarkan jantina. Hal ini berbeza dengan kajian yang dilaksanakan oleh Ngo (2020) yang mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran PKJR terhadap aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dengan pengalaman mengajar, tetapi tidak dari aspek jantina guru.

IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan dapat memberikan input baharu, manfaat dan kesan yang positif kepada pelbagai pihak. Pada masa yang sama, pengkaji juga berharap agar kajian ini dapat menjadi panduan dan boleh digunakan sebagai rujukan oleh pelbagai pihak dalam meningkatkan profesionalisme keguruan khususnya bagi guru-guru yang mengajar subjek bukan opsyen. Implikasi kajian ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian. Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan input baharu kepada pihak pengurusan seperti PPD, JPN dan KPM untuk mencari satu solusi yang ampuh bagi memastikan isu guru mengajar subjek bukan opsyen ini dapat ditangani ataupun melaksanakan satu perancangan untuk meningkatkan lagi profesionalisme guru-guru bukan opsyen ini.

Impak kajian ini dapat dilihat bermula daripada peranan pihak sekolah. Pihak sekolah merupakan institusi yang amat penting dalam membentuk imej sekolah yang baik dan seterusnya pihak sekolah ini juga memainkan peranan penting dari aspek pengurusan dan pentadbiran. Isu penempatan guru yang tidak sepadan dengan keperluan opsyen di sekolah hendaklah dipandang serius oleh pihak pentadbir. Hal ini amat penting bagi memastikan semua subjek dapat diajar oleh guru yang profesional. Kesilapan dalam meletakkan guru tidak mengikut opsyen semasa di Borang Status Kedudukan Guru (BSKG) hendaklah dielakkan. Pihak pentadbir hendaklah lebih peka dengan keadaan semasa guru-guru di sekolah. Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 5 Tahun 2022 menyatakan dengan jelas prosedur dalam pelaksanaan penandaan opsyen mata pelajaran. Proses ini amat penting dalam menambah maklumat mata pelajaran bukan opsyen kepada guru yang mengajar mata pelajaran selain opsyen mengikut kriteria yang ditetapkan tanpa mengubah opsyen ikhtisas asal.

Proses ini merupakan nilai tambah kepada BSKG bagi menunjukkan kedudukan guru di sekolah. Surat pekeling ini jelas menunjukkan langkah demi langkah dalam penandaan opsyen mata pelajaran guru khasnya dalam menambah subjek yang bukan opsyen. Peranan daripada pihak pentadbir adalah amat penting untuk memahami garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak KPM sebelum membuat apa-apa Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru. Data ini seterusnya digunakan sebagai panduan bagi urusan berkaitan penyediaan unjuran, pengambilan, penempatan dan pertukaran guru. Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru juga boleh disemak dan dikemas kini mengikut keperluan bagi memastikan sentiasa relevan dan dinamik. Pada masa yang sama, peranan semua

pihak yang bermula dari guru, ketua jabatan, PPD, JPN, BPSH dan Bahagian Profesionalisme Guru adalah sangat penting dalam mematuhi setiap garis panduan dan peranan masing-masing dalam membuat Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru ini bagi memastikan maklumat yang dikemukakan berkualiti dan sahih.

Inisiatif ini turut selaras dengan PPPM 2013-2025 (KPM 2013) di mana pada Gelombang 3 (2021-2025), KPM berhasrat untuk meluaskan hak membuat keputusan. Berdasarkan apa yang dipelajari dalam Gelombang 1 dan Gelombang 2, KPM akan terus menilai semula hak membuat keputusan yang diberikan kepada JPN, PPD, dan sekolah. Apa yang dihasratkan adalah, pada fasa ini, kebanyakan sekolah, jika tidak semua, bersedia memikul autonomi dan melaksanakan pengurusan berasaskan sekolah yang lebih luas. Selain itu, KPM memperkenalkan infrastruktur baharu yang dapat membantu pembelajaran sendiri di peringkat sekolah dan murid. Langkah ini termasuklah memperkenalkan kemudahan sidang video bagi memudahkan program berkembar dengan sekolah di negara lain, pemberian komputer *tablet* bagi mengurangkan kebergantungan murid pada buku teks, dan akses kepada jaringan internet yang lebih pantas.

Dalam usaha menangani masalah kekurangan guru di kawasan pedalaman, KPM telah mengambil satu langkah yang komprehensif dengan melonggarkan syarat pengambilan guru kepada calon Orang Asli dan Penang, Sekolah Seni Malaysia dan Sekolah Sukan Malaysia. Laluan khas untuk kemasukan ke Institut pendidikan Guru (KPM) ini hanya menetapkan syarat iaitu gred kepujian dalam mana-mana enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan lulus Bahasa Inggeris serta Sejarah di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Inisiatif ini diharapkan dapat memastikan lebih ramai masyarakat Orang Asli ini khasnya diberikan ilmu latihan perguruan untuk mempersiapkan mereka mengajar generasi yang seterusnya di tempat masing-masing.

Makmal Kualiti Guru (TQL) di bawah bidang keberhasilan Utama Nasional (NKRA) pada 02 April 2010 telah menetapkan inisiatif bagi Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) sebagai satu langkah jangka pendek bagi mengurangkan isu guru yang tidak mengajar mata pelajaran yang telah dilatih. TQL telah mencadangkan bahawa program jangka pendek tambah opsyen ini dilaksanakan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Sasaran inisiatif ini adalah untuk mengurangkan salah padanan daripada 20% ke 10% menjelang 2015. Susulan dengan itu Mesyuarat Profesional KPM Bil.5/2010 pada 28 April 2010 telah meluluskan

pelaksanaan Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO). Program ini bermatlamat menyelesaikan isu 'mismatch' dan masalah berkaitan lebihan guru opsyen sains tulen di sekolah menengah yang sedia ada dalam perkhidmatan. Hasil dari TQL tersebut, PITO telah dicadangkan dalam mengatasi salah padanan guru ini. PITO adalah merupakan program yang memberi pendedahan dalam kandungan mata pelajaran baru dan juga memberi label opsyen tambahan kepada guru-guru yang mengajar bukan mengikut opsyen. Guru akan didedahkan dengan ilmu berkaitan kurikulum dan pedagogi mata pelajaran baru. IPTA adalah merupakan penyedia latihan dalam melatih guru bukan opsyen ini (Mohd Norlizam 2017).

Kajian yang telah dilaksanakan oleh Mohd Norlizam (2017) mendapati bahawa sumber yang digunakan dalam PITO dan aktiviti yang dijalankan dalam PITO menyumbang ke arah peningkatan pengetahuan dalam mata pelajaran Sejarah dan kemahiran guru dalam PdP Sejarah. Kajian juga mendapati tahap kepuasan guru bukan opsyen meningkat setelah mengikuti PITO Sejarah. Analisis ini jelas membuktikan PITO memberikan impak yang positif terhadap kompetensi guru bukan opsyen dan seterusnya membantu guru bukan opsyen mewujudkan

suasana PdP yang lebih berkesan setelah diberikan pendedahan mengenai ilmu kandungan subjek dan pedagogi pengajaran. Hal ini jelas membuktikan bahawa kajian kompetensi guru bukan opsyen ini amat relevan untuk dilaksanakan bagi menilai tahap kompetensi guru-guru bukan opsyen ini. Data daripada dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan cetusan idea khasnya kepada pihak pengurusan agar mendapat gambaran awal tentang kepentingan mewujudkan pusat latihan guru mengikut pengkhususan spesifik.

Walaupun dapatan kajian ini menunjukkan tahap kompetensi guru bukan opsyen Bahasa Melayu pada tahap yang tinggi, namun pada masa yang sama kita dapat melihat bahawa masih ramai sekolah-sekolah di sekitar daerah Tatau/Sebauh menerima guru tidak mengikut keperluan opsyen. Subjek Bahasa Melayu merupakan subjek yang amat penting dan sudah semestinya perlu diajar oleh guru yang mempunyai kelulusan ikhtisas yang relevan. Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat menyampaikan hasrat sekolah supaya pihak KPM dapat mempertimbangkan mengenai kesan pelantikan dan penempatan guru bukan opsyen terhadap pengurusan dan pentadbiran di peringkat sekolah.

KESIMPULAN

Kompetensi guru bukan opsyen dalam mengajar subjek Bahasa Melayu ini amat luas dan juga isu yang sama turut berlaku di subjek-subjek lain seperti Bahasa Inggeris, Prasekolah, Sejarah mahupun subjek elektif yang lain. Dalam usaha meningkatkan kompetensi guru bukan opsyen ini, peranan pelbagai pihak adalah amat penting khasnya dari guru itu sendiri. Motivasi guru tersebut adalah amat penting agar menerima dan melaksanakan amanah yang digalas sebaik mungkin. Seterusnya, peranan daripada pihak pentadbir sama ada di peringkat sekolah, PPD, JPN mahupun KPM hendaklah memandang serius terhadap isu guru yang mengajar subjek bukan opsyen ini agar mencari satu solusi yang ampuh demi meningkatkan kompetensi guru.

Kompetensi guru ini seterusnya menjadi tunjang kepada guru yang berkualiti. Guru berkualiti ini akan menjadi aset negara yang amat penting kerana guru ini memiliki ciri-ciri istimewa yang amat komited dalam melaksanakan tugas mendidik anak bangsa. Hal ini dapat mendukung kepada usaha KPM untuk meningkatkan mutu pendidikan dan membantu mencapai visi dan misi KPM dalam usaha menjadikan pendidikan bertaraf dunia. Pendidikan dengan kualiti guru yang berkompentensi serta produk yang berkualiti menjadi pemangkin kepada kemajuan sesebuah negara kerana melalui guru baka pelbagai jenis tenaga kerja yang profesional dapat dilahirkan.

RUJUKAN

- Awaif Abdul Rahman, Mohd Shafie Zulkifli, Muhammad Hashimee, Ainon Wazir & Muafah. 2019. Tahap kompetensi guru bahasa Arab di SABK di Malaysia: Satu dimensi. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 16(2) : 1-13.
- Banu Ramanan & Mua'zam Mohamad. 2018. Kesediaan guru luar bidang terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dalam bilik darjah. *Seminar Kebangsaan PPDC Abad 21. chrome-*

extension://kdpelmjpfafjppnhbloffcjpeomlnp
ah/https://www.researchgate.net/profile/Banu-
Ramanan/publication/351563625_KESEDI
AAN_GURU_LUAR_BIDANG_TERHADAP
P_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN
_BAHASA_INGGERIS_DALAM_BILIK_DA
RJAH/links/609d6055a6fdcccac5158bc/K
ESEDIAAN-GURU-LUAR-BIDANG-
TERHADAP-PENGAJARAN-DAN-
PEMBELAJARAN-BAHASA-INGGERIS-

- DALAM-BILIK-DARJAH.pdf* (Diakses pada 31 Ogos 2024)
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2022. *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan. Amalan dan Analisis Kajian*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Hafizati Husna Ibrahim & Suziyani Mohamed. 2021. Kompetensi guru-guru bukan opsyen dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2): 377-385.
- Happri Novrizi Setya Dhewantoro. 2018. Strategi peningkatan kompetensi guru melalui pendidikan profesi berkarakter. *Prosiding Profesionalisme Guru Abad XXI 2018*, hlm. 103-111. chrome-extension://kdpelmjpfafjppnhbloffcjpeomlnpah/https://eprints.uny.ac.id/63213/1/PROSIDING%20GURU%20XXI%20-11%20STRATEGI%20PENINGKATAN%20KOMPETENSI%20GURU%20MELALUI%20PENDIDIKAN%20PROFESI%20BERKARAKTER.pdf (Diakses pada 31 Ogos 2024)
- Haslina Hamzah et al. 2017. Hubungan Cabaran guru bukan opsyen, kurikulum dan iklim sekolah dalam pengajaran Bahasa Arab di beberapa Sekolah Rendah Agama JAIS Daerah Hulu Langat Selangor. Kertas kerja di Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan (SPEN2019). Anjuranm Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Hasnah Innon & Jamaludin Badusah. 2017. Kompetensi guru Bahasa Melayu Dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1): 56-65.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2)*. Putrajaya: Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. *Standard Guru Malaysia 2.0*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2022. Laporan *Borang Kedudukan Status Guru (BSKG) dan Modul Pengurusan Guru (Sistem e-OPERASI)*. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian.
- Liong Mei Chang & Nurfaradilla Mohamad Nasri. 2022. Cabaran guru sekolah rendah pedalaman terhadap penggunaan Standard 4 SKPMg2 dalam menilai PdPR. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4) : 364-373.
- Magdeline & Zamri Mahamod. 2014. Penterjemahan Pengetahuan pedagogi kandungan dalam proses tindakan guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman bukan opsyen. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1): 37-49.
- Majid Konting. 2019. Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mardzelah Makhsin, Teoh Yong Ping & Nor Hasimah Ismail. 2022. Standard Guru Malaysia 2.0 dalam kemenjadian jiwa pendidik. *International Journal Of Education, Psychology and Counselling*, 7 (46): 327-346.
- Mazarul Hasan, Norazimah Zakaria & Kama Shaffeei. 2020. Challenges of 21st century primary school education. *International Journal of Modern Education*, 2(5): 1-8.
- McBer. 1996. *Scaled Competency Dictionary*. Boston: Hay/McBer
- Mohamed Faizul Mat Som, Syed Kamaruzzaman Syed Ali, Shahrir Jamaluddin dan Mohd Faiz Mohd Baharan. 2021. *Tahap Amalan Penaakulan Pedagogi Guru Pendidikan Jasmani Sekolah Menengah dari Aspek Kefahaman dan Transformasi: Satu Kajian di Daerah Klang, Selangor*. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*. 9(1) : 11-19.
- Mohamed Zohomi, Norhidayah Azni & Zamri Mahamod (2023) *Amalan Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah dalam Melaksanakan Pendekatan Pengajaran Terbeza*. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1): 14-24
- Mohd Norlizam Mohd Razali. 2017. Penilaian Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) dalam kalangan guru Sejarah bukan opsyen di sekolah menengah. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pembangunan Manusia. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norfatimah Abd Kadir. 2017. Cabaran dalam kekurangan guru dan guru berkualiti dan kesannya kepada sekolah. Tesis Ijazah Sarjah. Universiti Tun Abdul Razak.
- Norliza Mat Ali & Fadzilah Abd. Rahman. 2016. Sikap guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan pembelajaran berasaskan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran di Daerah Petaling. *International Journal of Education and Training*, 2(2): 1-8.
- Normaliza Abd Rahman. 2019. *Jom Tulis Tesis*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Nur Athirah Ariffin dan Faridah Yunus. 2017. *Kesediaan Guru Prasekolah dalam melaksanakan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Simposium Pendidikan DiPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017), 147-152
- Nur E'zzati Ruslil & Zamri Mahamod. 2023. Tahap Kemahiran pedagogi, motivasi dan sikap guru-guru bukan opsyen Bahasa

- Melayu di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(1): 11-24.
- Ramlee Ismail & JaNordin Yunus. 2020. *Analisis Data dan Pelaporan dalam Penyelidikan Pendidikan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Roslan Abu Hassan. 2014. Kajian Kompetensi guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di Kolej Vokasional Negeri Pahang. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Reni Wiranti. 2021. Pengaruh pengalaman mengajar dan motivasi mengajar terhadap profesionalisme guru taman kanak-kanak Sekecamatan Way Jepara. *Jurnal Humaniora dan Ilmu Pendidikan*, 1(1): 27-37.
- Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. 2020. *Profesion Keguruan dan Pembangunan Insan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.